

16/08/2003

Perhimpunan dijangka tarik 10,000 pengunjung

KUALA LUMPUR: Perhimpunan patriotik raksasa masyarakat Malaysia yang akan diadakan di Jalan Petaling pada 30 September ini sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-46, dijangka menarik kira-kira 10,000 pengunjung.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Donald Lim Siang Chai, berkata perhimpunan yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu bertujuan menyemai semangat patriotik di kalangan rakyat Malaysia, terutama generasi muda, selain peluang untuk berkumpul dalam suasana harmoni.

"Perhimpunan yang kali pertama diadakan ini bagus kerana ia adalah cara rakyat Malaysia menunjukkan semangat patriotik kepada negara selain mengingatkan generasi muda mengenai perjuangan kemerdekaan dan usaha meneruskan pembentukan negara.

"Jalan Petaling pula adalah tumpuan pelancong membeli-belah. Perhimpunan ini juga dibuat sempena wajah baru Jalan Petaling setelah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menaik taraf kawasan itu," katanya pada sidang media selepas mengadakan mesyuarat mengenai perhimpunan itu di Angkasapuri, semalam.

Perhimpunan yang bermula jam 8 pagi hingga 12 tengah malam itu dianjurkan oleh 10 pertubuhan bukan kerajaan masyarakat Cina termasuk Persatuan Pemborong Pakaian Malaysia dan Persatuan Nam Ann Malaysia, dengan kerjasama DBKL.

Beliau yang juga penasihat perhimpunan berkata, perhimpunan itu juga penting kerana kali terakhir Perdana Menteri melawat Jalan Petaling ialah kira-kira 10 tahun lalu.

Perdana Menteri juga dijangka akan menandatangani plak peringatan di laluan masuk utama ke Jalan Petaling dan mengadakan upacara 'membuka mata' singa emas baru untuk tarian singa, milik persatuan peniaga di Jalan Petaling.

Katanya, antara acara yang akan diadakan sepanjang perhimpunan itu termasuk pelancaran platun Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) Jalan Petaling, persembahan tarian naga, konsert artis-artis tempatan dan perarakan pancaragam pelajar sekolah menengah.